

p) Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan

Jika pesakit memilih untuk dimasukkan ke hospital kerajaan, pihak syarikat akan membayar elaun secara tunai kepada pesakit mengikut plan yang dipilih seperti berikut:

- i. Plan 1 Kadar bayaran RM30.00 sehari
- ii. Plan 2 Kadar bayaran RM35.00 sehari
- iii. Plan 3 Kadar bayaran RM40.00 sehari

Tempoh maksimum bayaran elaun tunai harian di hospital kerajaan ialah 120 hari bagi setiap kemasukan.

q) Rawatan Sakat Kecemasan

Jumlah yang sama dengan caj sebenar untuk rawatan kecemasan penyakit yang diberikan di sebuah Hospital atau di klinik berdaftar dua puluh empat (24) jam dan diterima sebagai pesakit luar dalam lingkungan masa dari pukul 12.00 am hingga 6.00 am. Waktu rawatan yang diterima dan diperakui oleh doktor akan menjadi prasyarat terhadap suatu liabiliti. Bayaran tersebut tidak boleh melebihi had maksimum seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Faedah.

r) Cukai Perkhidmatan Kerajaan

Cukai Perkhidmatan Kerajaan Malaysia untuk caj bayaran Bilik Hospital dan Makan yang sebenar dikenakan tertakluk kepada had faedah maksimum harian seperti yang ditetapkan dalam Jadual Faedah boleh dituntut.

s) Perbelanjaan Pengebumian

Seseorang staf yang meninggal dunia dalam perkhidmatan layak diberikan perbelanjaan pengebumian sebanyak RM5,000.00 untuk kakitangan yang diinsurankan.

t) Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar dan Rawatan Kanser Pesakit Luar

Melindungi kos rawatan dialysis buah pinggang pesakit luar dan rawatan kanser pesakit luar mengikut plan yang dipilih seperti berikut:

- i. Plan 1 Kadar pelindungan RM10,000.00 setahun
- ii. Plan 2 Kadar pelindungan RM20,000.00 setahun
- iii. Plan 3 Kadar pelindungan RM30,000.00 setahun

u) Pemindahan Organ

Melindungi kos rawatan pemindahan organ kepada penerima organ sekali seumur hidup. Kos rawatan yang dilindungi adalah mengikut plan yang dipilih seperti berikut:

- i. Plan 1 Kadar pelindungan RM10,000.00 seumur hidup
- ii. Plan 2 Kadar pelindungan RM20,000.00 seumur hidup
- iii. Plan 3 Kadar pelindungan RM30,000.00 seumur hidup

v) Had Tahunan Keseluruhan

Had tahunan keseluruhan bagi setiap kakitangan dan tanggungan adalah tertakluk kepada plan berikut:

- i. Plan 1 Kadar pelindungan RM10,000.00 setahun
- ii. Plan 2 Kadar pelindungan RM20,000.00 setahun
- iii. Plan 3 Kadar pelindungan RM30,000.00 setahun

7.4 Pengecualian

Manfaat tidak akan dibayar bagi mana-mana tempoh kemasukan ke wad hospital kecuali kemasukannya dan semua perkhidmatan hospital khusus yang telah diberikan adalah atas saranan dan diluluskan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar berdasarkan keadaan diagnosis dan rawatan yang menunjukkan kemasukan ke wad adalah perlu

Manfaat tidak akan dibayar bagi perkhidmatan, hasil dari atau dalam keadaan-keadaan berikut:

- a) Rawatan yang diterima sebagai pesakit luar, terutamanya bagi tujuan penyelidikan, diagnosis, X-ray, pemeriksaan fizikal atau perubatan am.
- b) Rawatan pergigian seperti pemeriksaan gigi, penampalan, cabut gigi termasuk membuang gigi yang terbenam atau pembedahan mulut kecuali pembedahan pergigian akibat daripada kecederaan dalam kemalangan.
- c) Rawatan berkaitan pencegahan hamil atau kesuburan, mengandung sehingga bersalin, keguguran atau sebarang kerumitan akibat dari mengandung.
- d) Pemeriksaan mata untuk mendapatkan cermin mata atau kanta sesentuh, mendapatkan pembedahan plastik/ kosmetik untuk kecantikan, membetulkan rabun jauh (Radial Keratotomy) dan penggunaan atau perolehan peralatan prostetik atau peranti seperti kaki palsu, alat bantuan pendengaran dan implan perentak jantung.